

06 OCT 1997

THB INDUSTRIES PEROLEHI TAJA JAMIN, TONGKAH HAMPIRI PERASIONALAN

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- THB Industries Bhd, syarikat peralatan mesin dan kejuruteraan daripada Tongkah Holdings Bhd, hari ini secara rasminya memperolehi perjanjian taja jamin bagi sebahagian daripada 23.01 peratus penjualan modal sahamnya.

Taja jamin dan penjualan apungan 12.26 juta saham pada RM2.50 setiap satu itu, semakin mendekatkan lagi Tongkah untuk merasionalkan tiga perniagaan utamanya: pengeluaran kepada THB Industries, perkhidmatan kewangan kepada Hospital Pantai Bhd, dan ia sendiri mengambil alih perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Tongkah, menjelang Februari ini, akan memperolehi 21 peratus daripada pegangan Hospital Pantai.

Ia kini mempunyai 50 peratus pegangan dalam THB Industries daripada yang dijual sebanyak 17 peratus atau 9.06 juta saham. Pada RM2.50 sesaham, syarikat itu bernilai pada RM133 juta.

Jualan apungan itu yang mengumpulkan RM30.6 juta, akan dilancarkan lewat bulan ini, bagi penyenaaraian di Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada Disember ini.

Bagi penjualan itu, 1.812 juta saham diperuntukkan kepada pemegang saham Bumiputera, 5.338 juta saham bagi Bumiputera lain yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, 912,000 saham bagi pengarah dan kakitangan yang layak dan baki 4.2 juta bagi orang awam.

RHB Sakura Merchant Bankers Bhd menguruskan penaja jamin dalam bahagian awam.

THB Industries mempunyai enam syarikat beroperasi: Polytool Automation Sdn Bhd, Polytool Engineering Sdn Bhd, Polytool Industries Sdn Bhd, Paradigm Precision Components Sdn Bhd, Bend Well Engineering Sdn Bhd, dan Megatool Precision Sdn Bhd.

Mereka membekalkan kepada industri semikonduktor dan elektronik pengguna seperti Hewlett-Packard, Intel, Seagate, Siemens, Hitachi, Quantum, dan Robert Bosch.

Kira-kira 15 peratus daripada pengeluaran terutamanya dalam komponen kejuruteraan ketelitian tinggi diekport: Jepun, Amerika Syarikat dan negara-negara Asean menjadi pasaran utamanya.

Bagaimanapun, pengerusi eksekutifnya, Mokhzani Mahathir berkata kumpulan itu kini berharap dapat meningkatkan tahap eksport pengeluarannya antara 20 hingga 25 peratus menjelang tahun kewangan yang berakhir pada 30 Jun depan.

Syarikat itu juga telah menubuhkan pejabat pemasaran di Filipina dan kini sedang meninjau peluang di China, katanya kepada pemberita selepas majlis itu di sini.

Sepanjang 11 bulan sehingga 31 Mei, syarikat itu mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM13.4 juta di atas jualan RM31.6 juta.

Berikutan penyenaaraian itu, sumbangan syarikat dalam keuntungan selepas cukai kepada Tongkah akan berkurangan daripada kira-kira RM5.9 juta sebelumnya kepada RM3.9 juta kerana faedah ekuiti rendah pada 33 peratus.

-- BERNAMA

RIZ ZK/sia